

# KEMISKINAN: SATU DEFINISI Oleh Dullah Muluk

## Program Ekonomi Perancangan & Pembangunan

Untuk memberikan satu definisi tentang konsep kemiskinan yang boleh diterimapakai oleh semua masyarakat bukanlah sesuatu yang mudah. Pertama, kerana definisi kemiskinan berbeza-beza mengikut disiplin. Kedua, kemiskinan berbeza-beza mengikut ruang geografi, masyarakat dan masa. Oleh itu, tidak ada satu takrif kemiskinan yang standard yang boleh diterima oleh semua masyarakat atau negara pada setiap masa. Dari sudut perbezaan ruang geografi, masyarakat dan masa umpamanya, kemiskinan tidak terlepas dari merujuk kepada ketidakcukupan keperluan asas yang berbeza-beza dari individu ke individu dalam masyarakat yang sama dan dari masyarakat ke masyarakat yang lain serta dari semasa ke semasa.

Dari sudut perbezaan disiplin pula, setiap disiplin mempunyai dimensi definisi yang juga tidak sama. Ahli ekonomi atau neo-ekonomis contohnya, mendefinisikan kemiskinan daripada perspektif pendapatan, ahli ekonomi politik daripada perspektif struktural dan akses. Dari perspektif sains sosial dikaitkan dengan stratifikasi sosial masyarakat kerana golongan miskin adalah golongan yang kekurangan dari segi kelas, status dan kuasa dalam hirarki masyarakat. Ahli psikologi daripada perspektif keperibadian dan sikap, manakala ahli perubatan daripada perspektif zat atau kalori makanan.

Ahli sejarah dan perbandingan kemiskinan mendefinisikan kemiskinan melalui satu garisan kemahuan bermula dari kebuluran, saradiri, social coping dan akhir sekali partisipasi sosial. Ahli teori alam sekitar pula mendefinisikan kemiskinan dari perspektif keadaan pesekitaran. Keadaan sekitar yang mundur tidak membantu melahirkan inisiatif dan peluang untuk memperbaiki keadaan seseorang kecuali mereka yang berani berhijrah keluar dari kawasan tersebut. Pemikiran yang dikenali sebagai teori alam sekitar ini berhubungan pula dengan konsep kebudayaan kemiskinan yang diperkenalkan Lewis.



Daripada kepelbagaian definisi dan perspektif kemiskinan ini, ada dua perkara yang kebanyakan mereka bersetuju. Pertama ialah bahawa kemiskinan itu berkait rapat dengan sindrom 'kekurangan' (Sen 1981), dan kedua, ia berkait rapat dengan 'ketidakupayaan' atau 'ketidakmampuan'.

Kekurangan-kekurangan itu umpamanya ialah kekurangan makanan, taraf kesihatan yang rendah, pendapatan yang rendah, pengangguran, keadaan perumahan yang tidak selamat, taraf pendidikan yang rendah, tidak menikmati keperluan moden, pekerjaan yang tidak terjamin, sikap hidup yang negatif dan fikiran yang kolot (Osman Rani Hassan dan Abdul Majid Salleh 1988; Chamhuri Siwar 1988b; Jamilah Ariffin 1994). Di samping itu ada juga yang mengkategorikan kekurangan-kekurangan berkenaan ke dalam tiga bahagian. Pertama, kekurangan keupayaan pendapatan; kedua, kekurangan akses kepada kuasa-kuasa sosial seperti kuasa-suara, kuasa-politik, milikan punca-punca keluaran, pendidikan dan sebagainya; dan ketiga, kekurangan keperluan asas seperti perlindungan, pemakanan, pendidikan asas, kesihatan, pekerjaan dan sebagainya (Kamal Salih 1983/1984).

Dalam kes ketidakupayaan atau ketidakmampuan pula, kemiskinan dihubungkan dengan ketidakupayaan untuk menikmati keperluan-keperluan asas yang dianggap paling minima untuk hidup seperti keperluan makanan, perumahan, pakaian, perkhidmatan-perkhidmatan pelajaran, kesihatan, kebajikan dan kemudahan-kemudahan sosial yang lain. Dalam hal ini, pendapatan dijadikan pengukur kemiskinan dengan menggunakan konsep garis (atau paras) kemiskinan. Garis kemiskinan ini diukur dengan menggunakan pendapatan yang dikira boleh menampung taraf hidup minima sesebuah keluarga.

Dari huraian di atas boleh dirumuskan bahawa sebenarnya, sama ada kemiskinan itu dilihat dari sudut kekurangan atau dari sudut ketidakupayaan, kedua-duanya menggunakan pembolehubah yang tidak banyak berbeza. Secara umumnya bersetuju menggunakan dua pendekatan dalam mendefinisikan kemiskinan, iaitu pendekatan mutlak dan pendekatan relatif.

